

16/05/2004

Maznah berteduh dalam stor simpan getah beku

By Noorwati Salleh

SELEPAS bercerai dua tahun lalu, Maznah Petah, 48 terpaksa melalui liku hidup yang lebih memilukan apabila dia dan tiga anaknya terpaksa menumpang teduh dalam stor menyimpan getah beku di Kampung Embun, Mukim Chenor dekat Maran, Pahang.

Dia juga terpaksa bertungkus lumus menoreh getah bagi menyara keluarga, termasuk dua anak yang masih bersekolah berikutan tidak mempunyai harta selepas gagal mendapat tuntutan sebahagian daripada harta sepencarian ketika meneroka rancangan tanah di Felda Jengka 7, dekat sini, hampir 20 tahun lalu.

Apa yang menyedihkan, ibu tunggal itu juga perlu memberi perhatian terhadap seorang anak lelakinya, Mahadi Abdul Kadir, 19, yang tidak mampu mengurus diri sendiri selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya kira-kira empat bulan lalu.

Dua lagi anak wanita itu, Madiana, 15, masih belajar dalam Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Afzan di Chenor dan Mahafiz, 7, di Sekolah Kebangsaan Bukit Lada.

Bagaimanapun, anak sulung Maznah, Mahathir, 21, tinggal bersama bekas suaminya di Felda Jengka 7.

Ketika wakil Berita Minggu berkunjung ke stor penginapannya Khamis lalu, Maznah masih lagi di kebun getah milik penduduk kampung itu untuk mencari rezeki dengan mengambil upah menoreh.

Selepas pulang, Maznah bercerita mengenai kedaifan hidupnya. "Walaupun perceraian itu berlaku di atas kehendaknya sendiri, saya begitu kecewa apabila gagal memperoleh sebahagian daripada harta sepencarian bersama bekas suami.

"Sebenarnya, bekas suami saya memang tidak berminat memasuki rancangan itu pada 1983, tetapi saya mendesak. Apabila berada di rancangan, bekas suami hanya sempat menoreh getah milik orang lain selama dua tahun dan kemudian tidak berminat bekerja ladang lalu bekerja di luar rancangan sebagai pengawal keselamatan.

"Apabila ladang getah kami mengeluarkan hasil, sayalah terpaksa menguruskan ladang, termasuk menoreh dan mengupah orang membaja. Selama 20 tahun saya membanting tulang menguruskan ladang itu, tetapi apabila berpisah, saya tidak mendapat apa-apa.

"Ketika mula memasuki rancangan itu, Felda mensyaratkan suami mesti membawa isteri, walaupun ketika itu isteri sedang sakit dan sebagainya untuk membuat perjanjian.

"Tetapi apabila berlaku sesuatu yang tidak diinginkan, seperti perceraian pihak Felda seolah-olah mahu meminggirkan hak isteri... saya begitu kecewa.

"Apabila saya menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap perkara itu, pihak Felda memberi alasan bahawa perceraian berlaku kerana permintaan saya dan tidak boleh mendapat apa-apa hak terhadap ladang berkenaan," katanya.

Selain itu, kata Maznah, hasil penjualan kayu getah sebanyak RM14,000 yang diperoleh bekas suami berikutan ladang berkenaan dibangunkan semula dengan projek kelapa sawit juga tidak diagihkan kepadanya.

"Sepatutnya, pihak Felda boleh berbuat sesuatu supaya saya turut mendapat hak saya," katanya.

Selepas berpisah dengan bekas suami dia membawa tiga anak balik ke kampungnya di Kampung Embun dan mencari rumah untuk disewa, tetapi tidak

ada.

"Walaupun, rumah ibu saya ada di kampung itu, tetapi ia terlalu uzur dan boleh runtuh pada bila-bila masa. Bagaimanapun, seorang penduduk kampung, Mohd Yusof Abdul Latif, 66, bersimpati dan menawarkan stor menyimpan getah buku kepada saya.

"Kini saya menyewa stor berkenaan dengan bayaran RM30 sebulan dan bekalan elektrik ditarik dari rumah ibu saya, manakala bekalan air disediakan Mohd Yusof.

"Saya amat berterima kasih kepadanya kerana sanggup memberi tempat perlindungan kepada saya sekeluarga," katanya.

Selain itu, Maznah berkata, masalah yang dihadapi itu sudah disuarakan kepada Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak yang juga ahli Dewan Undangan Negeri Chenor baru-baru ini.

"Saya yakin kerajaan akan berusaha membantu, terutama menyediakan rumah melalui Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Saya juga berharap untuk mendapat bantuan guaman bagi membolehkan saya mendapat sebahagian daripada harta sepencarian itu," katanya.

Maznah berkata, kira-kira setahun lalu beliau berkahwin lain iaitu dengan Antelah Mat, 53, tetapi tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada suami barunya itu kerana sudah mempunyai isteri dan tanggungan lain.

Sementara itu, Mohd Yusof berkata, dia menawarkan stor itu kepada Maznah kerana bersimpati dan mengenalinya sejak kecil serta tidak sanggup melihat dia tinggal melarat.

(END)